

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA
KAWASAN : BAKRI
TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 51

YB. TUAN ER TECK HWA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah perdagangan secara langsung atau tidak di antara Malaysia dan Israel dari 1996 sehingga kini. Senaraikan syarikat terlibat, jenis produk dan nilai dagangan. Apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat yang mengambil komponen dari Israel walaupun mempunyai sumber dari negara lain.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Luar Negara Malaysia adalah tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan negara Israel. Secara dasarnya juga, Kerajaan Malaysia tidak menjalin hubungan ekonomi secara langsung dengan Israel. Walau bagaimanapun, hubungan dagangan Malaysia dan Israel berlaku disebabkan:

- (i) amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) di mana banyak negara termasuk Israel merupakan sebahagian dari rangkaian tersebut;

- (ii) produk yang dihantar ke Palestin bagi menyokong pembangunan ekonomi dan bantuan kemanusiaan terpaksa melalui Pelabuhan Ashdod yang terletak di wilayah yang dikuasai Israel; dan
- (iii) eksport ke Israel tetapi dihantar dari negara-negara ketiga seperti Singapura dan Hong Kong.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai tindakan Kerajaan terhadap syarikat yang mengambil komponen dari Israel walaupun mempunyai sumber dari negara lain, ianya adalah di luar kawalan Kerajaan Malaysia. Ini adalah kerana syarikat-syarikat MNCs yang beroperasi di negara ini menjalankan perniagaan mereka melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) yang dikawal sepenuhnya oleh syarikat induk mereka di luar negara.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR - PAS]**

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO.52)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan peruntukan kepada persatuan-persatuan seni mempertahankan diri seperti silat, tomoi, silambam yang terdapat banyak di kawasan luar bandar. Apakah syaratnya jika ia boleh memberikan peruntukan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menggalakkan semua persatuan sukan termasuk persatuan seni mempertahankan diri dalam melaksanakan program atau pertandingan di pelbagai peringkat. Melalui pemberian bantuan, Kementerian mempertimbangkan permohonan pelaksanaan aktiviti atau program kepada persatuan yang layak dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.
2. Persatuan yang layak diberi pertimbangan adalah :-
 - i. Badan Sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997
 - ii. Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007
 - iii. Sekretariat Rakan Muda di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Jabatan Belia dan Sukan Negara
 - iv. NGO yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan bergabung dengan Majlis Belia Malaysia (MBM).

SULIT

3. Manakala permohonan yang layak diberi pertimbangan :-
 - i. Aktiviti yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan Dasar Pembangunan Belia Negara atau Dasar Sukan Negara.
 - ii. Aktiviti yang dilaksanakan hendaklah memberi impak positif kepada kumpulan sasar.
 - iii. Aktiviti yang menggabungkan nilai-nilai integrasi dan perpaduan kaum.
 - iv. Aktiviti yang berkonsepkan kepimpinan, jati diri, patriotisma, ketatanegaraan, kemahiran, keusahawanan, kesukarelaan dan kesukanan.
 - v. Bantuan aktiviti yang dijalankan bersama NGO, keutamaan diberikan kepada NGO yang mempunyai kepakaran pengurusan, kepimpinan, kejurulatihan dan kemahiran teknikal dalam bidang berkaitan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara diberi peranan untuk membantu meningkatkan pencapaian sukan-sukan prestasi tinggi. Sukan-sukan tersebut adalah yang dipertandingkan dalam empat (4) temasya yang utama iaitu Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Bantuan peruntukan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) berdasarkan program yang dirancang dan dipersetujui bersama khususnya dalam persediaan atlet ke temasya sukan-sukan tersebut.

SULIT

5. Bantuan kepada sukan-sukan seni mempertahankan diri seperti karate, silat, taekwondo, wushu dan muaythai sentiasa diberi perhatian kerana sukan-sukan ini senantiasanya memberi pingat kemenangan kepada negara di pertandingan-pertandingan peringkat antarabangsa terutama Sukan SEA dan Sukan Asia.
6. Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah berbeza antara persatuan sukan kebangsaan disebabkan beberapa faktor seperti:
 - Keutamaan sukan mengikut prestasi atlet mereka di peringkat antarabangsa
 - bilangan atlet,
 - bilangan/lokasi kejohanan antarabangsa,
 - jumlah/gaji jurulatih,
 - kos peralatan, dan
 - pelaksanaan program seperti program latihan atlet elit, pelapis dan paralimpik, program pembangunan kejurulatihan, program penganjuran kejohanan, program pembangunan kepegawaian dan pengurusan sukan serta skim-skim
7. Bagi sukan-sukan yang tidak termasuk di dalam program elit kebangsaan permohonan bantuan boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada permohonan yang disalurkan dalam bentuk geran.

Sekian, terima kasih.